

Siaran Statistik

Pengangkutan dan Infokomunikasi

1. Ringkasan Eksekutif

Isi Kandungan


1. Ringkasan Eksekutif
2. Sektor Pengangkutan
 - 2.1 Pengangkutan Darat
 - 2.2 Keselamatan Jalan Raya
 - 2.3 Pengangkutan Udara
 - 2.4 Pengangkutan Laut
 - 2.5 Perkhidmatan Kajicuaca
3. Sektor Infokomunikasi
 - 3.1 Telekomunikasi
 - 3.2 Perkhidmatan Pos & Kurier
 - 3.3 Perkhidmatan E-Kerajaan
 - 3.4 Keselamatan Siber

- Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) secara rasminya telah mengeluarkan data-data perangkaan tahunan yang melibatkan jabatan-jabatan serta agensi dan pihak berkuasa di bawahnya, iaitu:
 - Jabatan Pengangkutan Darat;
 - Jabatan Penerbangan Awam;
 - Jabatan Perkhidmatan Pos;
 - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD);
 - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC);
 - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI);
 - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD); dan
 - Cyber Security Brunei (CSB).
- Tujuan utama adalah untuk menyebarkan perangkaan rasmi data-data dari tahun kebelakangan dan yang terkini mengenai sektor-sektor pengangkutan dan infokomunikasi Negara Brunei Darussalam.
- Statistik rasmi tersebut adalah ditujukan untuk pelbagai pengguna termasuk institusi pendidikan dan penyelidikan, sektor perniagaan serta masyarakat umum.

2. Sektor Pengangkutan


2.1 Pengangkutan Darat

**Jumlah Kenderaan Yang Aktif
(2016 – Jun 2021)**




- Kenderaan yang aktif bermaksud kenderaan-kenderaan di negara ini yang telah memperbaharui lesen kenderaan dan yang aktif di jalan raya.
- Penurunan sehingga -5.5% dapat dilihat pada tahun 2016 ke 2018 sementara kenaikan sebanyak 2.2% bagi tahun 2018 ke 2019.
- Perbandingan kenderaan yang aktif bagi tahun 2019 ke 2020 telah menunjukkan kenaikan sebanyak 2.6%.

**Jumlah Kenderaan Baru Berdaftar
(2016 – Jun 2021)**




- Kenderaan baru berdaftar adalah kenderaan-kenderaan yang baru atau import terpakai, yang pertama kali berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- Pada tahun 2020 mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 14,813 buah kenderaan yang baru berdaftar, iaitu kenaikan sebanyak 8.7% dari tahun 2016 ke tahun tersebut.

Kedudukan Lesen Memandu (Sehingga Jun 2021)




Penumpang Bas ("Bus Ridership") (2016 – Jun 2021)



- Purata penumpang bas ("bus ridership") semakin menurun dari tahun 2016 sehingga 2020 sebanyak 50.3%.
- Pada tahun 2020 mencatatkan penumpang bas yang paling rendah di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2016 iaitu hanya sejumlah 1,255,151.
- Penurunan penumpang bas adalah disebabkan impak dari COVID-19 yang diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020.


Permohonan Dalam Talian Bagi Lesen Memandu (DL) & Lesen Kenderaan (VL) (2016 – Ogos 2021)



- Kenaikan permohonan dalam talian (“online”) dapat dilihat bagi kedua-dua lesen memandu dan lesen kenderaan dari tahun 2016 ke tahun 2020.
- Kenaikan sehingga 708% (DL) dicatatkan bagi lesen memandu manakala 128% kenaikan bagi lesen kenderaan (VL).


2.2 Keselamatan Jalan Raya

Kes Kemalangan Jalan Raya (2016 – Ogos 2021)



- Alhamdulillah, jumlah kemalangan secara keseluruhan menunjukkan tren yang menurun dari tahun 2016 hingga tahun 2020 sebanyak 68% (2,296 kes).
- Tahun 2018 merekod tahun penurunan kemalangan sebanyak 55.2% (1,481 kes) dari tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah usaha berterusan dengan pendekatan “*Whole of Nation*” melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dengan kerjasama daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, Universiti Teknologi Brunei, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., BATA, BITA dan pihak-pihak yang berkenaan.


Kemalangan Jalan Raya Melibatkan Kematian (2016 – Ogos 2021)



- Statistik bagi kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian juga menunjukkan persamaan tren yang menurun sehingga tahun 2020.
- Akan tetapi, bagi jumlah kematian tempoh Januari hingga Ogos tahun 2021 telah merekod tiga belas (13) kematian dan jumlah ini meningkat dari tahun 2020 secara keseluruhan.


2.3 Pengangkutan Udara

Pergerakan Pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) (2016 – Ogos 2021)




- Jika dilihat tren bagi penerbangan berjadual dan tidak berjadual sebelum COVID-19 melanda, ianya menunjukkan peningkatan selama empat tahun berturut-turut.
- Ogos 2021 telah mencatatkan sembilan (9) penerbangan sewa di LTAB.
- Secara keseluruhan, tahun yang paling sibuk bagi 5 tahun kebelakangan adalah pada tahun 2019 dengan 17,947 pergerakan penerbangan di LTAB.

Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) (2016 – Ogos 2021)



- Kadar peningkatan pergerakan penumpang masuk di LTAB adalah sebanyak 26.5% dari tahun 2016 ke 2019.
- Sejak wabak pandemik COVID-19 pada tahun 2020, jumlah penurunan mencatatkan sebanyak 80.7% jika dibandingkan dengan tahun 2019.
- Bagi kadar pergerakan penumpang keluar dari LTAB juga menunjukkan penurunan sebanyak 81.22% pada tahun 2019 ke 2020.


Kargo Keluar & Masuk Melalui Kapal Terbang (2016 – Julai 2021)



- Bagi kargo masuk, catatan tertinggi adalah pada tahun 2019 sebanyak 14,500,107 (Kilogram).
- Kargo keluar mencatatkan tahun 2018 yang tertinggi sebanyak 10,445,281 (Kilogram) dan ianya menurun pada tahun seterusnya sejumlah 1,775,658 (Kilogram).
- Tetapi jumlah kargo masuk dan keluar telah turun mendadak waktu pandemik COVID-19 melanda pada tahun 2020.


2.4 Pengangkutan Laut

**Jumlah Kontena Kapal
(Twenty-foot Equivalent Unit – TEU)
(2016 – Ogos 2021)**




- Tren jumlah kontena kapal bagi 4 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun.
- Pada tahun 2020, penurunan jumlah kontena kapal sebanyak 9.9% (11,727) dari tahun sebelumnya berkemungkinan disebabkan impak tercetusnya pandemik COVID-19.
- Sehingga Ogos 2021, jumlah kontena kapal adalah sebanyak 76,075 TEU.

**Jumlah Kargo Konvensional (Tonnage)
(2016 – Ogos 2021)**




- Sehingga Ogos 2021, jumlah kargo konvensional adalah sebanyak 267,600 tan.
- Tahun 2018 mencatatkan jumlah tertinggi bagi kargo konvensional dengan 735,183 tan.
- Manakala yang terendah adalah pada tahun 2020 sebanyak 422,104 disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada masa itu.

Jumlah “Vessel Calling” di Pelabuhan Muara (2018 – Ogos 2021)



- “Break Bulk Cargo” merupakan kapal tertinggi memasuki Pelabuhan Muara pada tahun 2018 dengan jumlah 337. Akan tetapi jumlah kapal tersebut menunjukkan penurunan setiap tahun sehingga 139 pada tahun 2020.
- Jumlah kapal kontena juga menurun setiap tahun dari 274 pada tahun 2018 hingga 248 pada tahun lepas iaitu dalam 9%.
- Bagi “car carrier”, jumlah kapal berkenaan melalui Pelabuhan Muara menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu dari jumlah 52 hingga 57.
- Jika dilihat dalam tempoh lapan (8) bulan tahun 2021, jumlah kapal “Liquid Bulk-Bitumen” telah melebihi jumlah keseluruhan pada tahun 2020.


Jumlah “Transshipment” (TEUs) (2020 – Ogos 2021)



- Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan transshipment adalah sebanyak 790 dan bulan Disember tercatat paling tinggi iaitu berjumlah 745.
- Jumlah transshipment bagi tahun 2021 (sehingga bulan Ogos) adalah sebanyak 326.
- Jika dilihat dalam tempoh lapan (8) bulan tahun 2021 iaitu dari Januari ke Ogos, jumlah transshipment bagi tahun 2020 dan 2021 dalam tempoh berkenaan menunjukkan perbezaan yang amat ketara iaitu meningkat dari jumlah 8 hingga 326 TEUs.


2.5 Perkhidmatan Kajicuaca

**Pengeluaran Amaran Cuaca
Awam Tahunan
(2011 – Ogos 2021)**




- Mulai tahun 2011 hingga Jun 2021, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam telah mengeluarkan sebanyak 1,836 amaran kepada orang awam.
- Tahun 2018 telah mencatatkan pengeluaran amaran tertinggi bagi tempoh selama 10 tahun kebelakangan dengan 290 amaran dan tahun 2016 adalah yang terendah hanya dengan 46 pengeluaran amaran kepada orang awam.

**Pengeluaran Amaran Cuaca
Penerbangan Tahunan
(2014 - Ogos 2021)**




- Selaras dengan saranan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam juga berkewajipan untuk mengeluarkan amaran cuaca bagi sektor penerbangan. Sejak tahun 2014 hingga Ogos 2021, Jabatan tersebut telah mengeluarkan sebanyak 280 amaran bagi kegunaan trafik udara.
- Tahun 2017 telah mencatatkan pengeluaran amaran tertinggi bagi tempoh selama tujuh (7) tahun kebelakangan sebanyak 83 amaran. Manakala, tahun 2016 adalah yang terendah dengan hanya satu (1) pengeluaran amaran penerbangan.

Turunan Hujan (2012 – Ogos 2021)



- Jumlah turunan hujan terendah yang direkodkan antara tahun 2012 hingga Ogos 2021 adalah pada tahun 2016 sebanyak 2182mm.
- Ini diikuti dengan jumlah turunan hujan tertinggi direkodkan sebanyak 3797mm iaitu pada tahun 2017.

Purata Suhu Minimum (2012 – Ogos 2021)




- Purata tahunan suhu minimum direkodkan pada tahun 2021 (sehingga Ogos) iaitu 23.4°C.
- Kedua rendah adalah pada tahun 2018 iaitu 23.8°C.

3. Sektor Infokomunikasi


3.1 Telekomunikasi

**Penggunaan Telefon Bimbit
(2016 – Julai 2021)**




- Bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan secara kumulatif, pengguna telefon bimbit lebih banyak bagi kategori prabayar jika dibandingkan postpaid dengan perbezaan yang sangat besar.
- Jumlah pengguna telefon bimbit berubah setiap tahun mungkin kerana adanya beberapa produk syarikat pembekal perkhidmatan (“service provider”) yang telah diberhentikan atau promosi yang baru.

**“Fixed Broadband”
(2016 – Julai 2021)**




- Secara kumulatif (mulai 2016 hingga Julai 2021), jumlah pengguna “Fixed Broadband” adalah meningkat dari setahun ke setahun.
- Jumlah yang paling tinggi adalah pada tahun 2019 ke 2020 iaitu kenaikan 30.72% dengan berjumlah 16,702 pelanggan. Ini adalah disebabkan impak dari pandemik COVID-19 dimana penggunaan internet dijadikan keutamaan contohnya untuk pembelajaran kanak-kanak sekolah dan mengimbas kod QR bagi menggunakan “Bruhealth App”.

Mobile Broadband (2016 – Julai 2021)



- Bagi penggunaan “mobile broadband”, jumlah kumulatif menunjukkan jumlah yang tidak menentu dari setahun ke setahun. Penyebabnya mungkin promosi produk ataupun penutupan produk dari syarikat telekomunikasi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.
- Tren ini juga selaras dengan langganan per 100 penduduk. Jumlah tertinggi adalah pada tahun 2019 dengan mencapai 139.7%.


Landline (2016 – Julai 2021)



- Secara keseluruhan, penggunaan “landline” di Negara Brunei semakin meningkat dari setahun ke setahun.
- Ini juga selaras daripada tren langganan per 100 penduduk. Kenaikan yang paling drastik adalah pada tahun 2020 dimana bertetapan dengan pengenalan Syarikat Unified National Networks (UNN) Sdn. Bhd.
- Sehingga Julai 2021, jumlah pelanggan yang menggunakan landline adalah sebanyak 111,168 dengan 24.5% langganan (“subscriber”) per 100 penduduk.


3.2 Perkhidmatan Pos & Kurier

**Pejabat Pos
(2016 – Julai 2021)**




- Jumlah pejabat pos di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016 adalah sebanyak 26 buah. Tiga (3) buah Pejabat Pos telah ditutup pada 31 Mac 2016 (sebanyak 1 buah) dan 2 Mei 2016 (sebanyak 2 buah). Manakala, dua (2) buah lagi ditutup pada 1 Mei 2017.
- Dari tahun 2018 sehingga Julai 2021, jumlah pejabat pos adalah sebanyak 21 buah iaitu 13 buah di Daerah Brunei-Muara, 4 buah di Daerah Belait, 3 buah di Daerah Tutong dan 1 buah di Daerah Temburong.

**Surat
(2016 – Julai 2021)**




- Penurunan sebanyak -58% bagi pengendalian mel surat dari tahun 2016 ke tahun 2020. Jumlah ini termasuk pengendalian mel tempatan, mel keluar serta mel masuk.
- Walaupun bagaimanapun, mel surat tempatan adalah yang tertinggi sekali dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos jika berbanding dengan perkhidmatan lain, iaitu hampir 90%.

Paket Kecil (2016 – Julai 2021)




- Secara keseluruhan dari tahun 2016 hingga tahun 2019, paket kecil menunjukkan kenaikan sebanyak 34.3%.
- Penurunan drastik dicatatkan bermula pada tahun 2020 iaitu sebanyak -65% dari tahun sebelumnya disebabkan impak penularan wabak COVID-19.
- Selain itu, mel masuk telah mencatatkan jumlah tertinggi pada lima (5) tahun kebelakangan.

Bungkusan (2016 – Julai 2021)




- Bagi bungkusan, jumlah keseluruhan pengendalian tertinggi dicatatkan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 17,302 bungkusan.
- Manakala pada tahun 2020 menunjukkan jumlah keseluruhan yang terendah sebanyak 5,254 bungkusan selepas Negara Brunei Darussalam dilanda wabak COVID-19.
- Akan tetapi tren penurunan sebanyak -70% dari tahun 2016 sehingga tahun 2020 bagi kesemua jumlah bungkusan.

EMS – Speedpost & Poslaju (2016 – Julai 2021)




- Perkhidmatan EMS telah mencatatkan tren penurunan iaitu sebanyak -49% dari tahun 2016 ke tahun 2020.
- Pengendalian keseluruhan tertinggi EMS adalah pada tahun 2016 iaitu sebanyak 102,218 dan terendah pada tahun 2020 iaitu sebanyak 46,368.
- Pada tahun ini, jumlah keseluruhan EMS sehingga Julai 2021 telah mencatatkan 23,288.

Jumlah Syarikat Kurier (2016 – 2020)



- Jumlah keseluruhan syarikat yang berdaftar untuk menyediakan perkhidmatan kurier adalah konsisten sejak tahun 2016 hingga tahun 2018 iaitu sebanyak lapan (8) buah sahaja.
- Ini diikuti dengan tambahan empat (4) buah syarikat mulai tahun 2019.


Jumlah “Express Item” bagi Kurier (2016 – 2020)



- Kenaikan penghantaran barangan melalui perkhidmatan kurier dicatatkan pada tahun 2016 ke tahun 2020 iaitu sebanyak 49%.
- Jumlah terbanyak adalah pada tahun 2020 iaitu 370,643 dan terendah pada tahun 2017 sebanyak 234,267.


3.3 Perkhidmatan E-Kerajaan

Portal GOV.BN (Pengguna) (2016 – Ogos 2021)




- Tahun 2020 mencatatkan pendaftaran portal tertinggi dengan jumlah 27,176 pengguna dan diaktifkan sebanyak 16,268 pengguna.
- Pada tahun ini hingga Ogos 2021, sebanyak 21,859 pengguna telah mendaftar dan hanya 10,595 pengguna yang mengaktifkan.

Portal GOV.BN (Kumulatif) (2016 – Ogos 2021)



- Sejak ianya digunakan dari tahun 2011, pengguna yang berdaftar secara kumulatif bertambah dari setahun ke setahun.
- Sehingga Ogos 2021, terdapat 181,234 pengguna yang telah mendaftar dan sebanyak 137,478 pengguna yang telah diaktifkan.

Jumlah Panggilan Talian Darussalam (TD) 123 (2016 – Ogos 2021)



- Talian Perkhidmatan TD123 mencatatkan rekod panggilan tertinggi pada pada tahun 2020 sebanyak 441,589 panggilan berbanding hanya 336,669 panggilan pada tahun sebelumnya.
- Pada tahun ini sehingga bulan Ogos, sebanyak 321,341 jumlah panggilan telah dibuat.


Kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam “United Nations E-Government Development Index”



- Kajian ini dibuat setiap dua (2) tahun atas pengendalian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan melibatkan 193 ahli.
- Pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam menduduki tempat yang ke-60 daripada 193 negara anggota PBB, iaitu jatuh 1 anak tangga ke-59 dari tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, menurut penilaian indeks secara keseluruhan, ianya menunjukkan peningkatan dari tahun sebelumnya. Kedudukan ini juga adalah lebih baik dibandingkan pada tahun 2016 yang berkedudukan pada tangga 83.
- Inisiatif-inisiatif berterusan akan diusahakan oleh agensi-agensi yang berkenaan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus mendapat kedudukan yang terbaik pada tahun akan datang. Seterusnya, memudahcarakan kearah menjadikan sebuah negara pintar terhubung (“smart nation”).


3.4 Siber Keselamatan

“Major cyber security incidents on Government Shared Services” (Tahun Kewangan 2017 – Ogos 2021)




- Menurut tahun kewangan 2020/2021 adalah tahun yang mencatatkan jumlah insiden keselamatan siber yang tertinggi bagi 5 tahun kebelakangan dengan sebanyak sembilan (9) insiden. Dibanding tahun sebelumnya hanya lima (5) insiden.
- Bagi tahun ini sehingga Ogos, empat (4) insiden telahpun dicatatkan.

“Number Of Cyber-Related Cases” (Januari – Ogos 2021)



- Secara keseluruhan pada tahun ini, jumlah kes berkaitan dengan jenayah siber di negara ini adalah sebanyak 77 kes.
- 75 kes daripadanya adalah berkaitan dengan “Cyber Enabled Crime” manakala 2 kes adalah “Cyber Dependent Crime”.

“Number Of Cyber Incidents” (Januari – Ogos 2021)



- Bagi tahun 2021 sehingga bulan Ogos, sebanyak 302 laporan mengenai insiden siber telahpun diterima, sama ada melalui panggilan telefon, whatsapp atau borang dalam talian.
- Setakat ini, bulan Ogos 2021 telah mencatatkan penerimaan laporan paling tertinggi iaitu sebanyak 59 laporan.

Dikeluarkan oleh:
 Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 Negara Brunei Darussalam